



Rujukan: JANM.BPPP.500-6/1/4 (16)  
9 Januari 2020

Ketua Akauntan Bahagian Akaun Kementerian

Bendahari Kerajaan Negeri

Pengarah Bahagian/Negeri/Cawangan  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PEMAKLUMAN PEMBUKAAN PRA PERMOHONAN KURSUS PELAN LATIHAN  
OPERASI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA TAHUN 2020 SECARA  
ATAS TALIAN – PEMBANTU AKAUNTAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa jabatan ini telah mengatur beberapa kursus jangka pendek dalam bidang dan subjek yang berkaitan dengan kompetensi skim perakaunan sebagaimana yang digariskan dalam Pelan Latihan JANM.

3. Sehubungan dengan itu, bahagian ini akan membuka Pra Permohonan Kursus Pelan Latihan Operasi Jabatan Akauntan Negara Malaysia Tahun 2020 secara atas talian untuk pegawai jawatan Pembantu Akauntan di Portal JANM melalui link berikut:

[http://www.anm.gov.my/anm\\_app/4/permohonan\\_kursus\\_TRM\\_2020.php](http://www.anm.gov.my/anm_app/4/permohonan_kursus_TRM_2020.php)

4. Borang permohonan ini adalah kajian awal urus setia dalam pemilihan pegawai untuk menghadiri kursus TRM. Walau bagaimanapun, keputusan penawaran kursus kepada pegawai adalah tertakhluk kepada kriteria yang telah ditetapkan. Tajuk dan tempat penganjuran kursus adalah seperti di **lampiran**. Tarikh penutupan permohonan kursus adalah **sebulan** sebelum tarikh kursus.

5. Sebarang pertanyaan mengenai pelaksanaan kursus boleh diajukan kepada pegawai Puan Norli binti Talip di talian 03-8882 1191 atau emel norli@anm.gov.my.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

***“Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi”***

Saya yang menjalankan amanah,



**[ JAFRIL BIN JUNIT C.A. (M) ]**

Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan  
b.p Akauntan Negara Malaysia

- s.k
- i. Akauntan Negara Malaysia
  - ii. Timbalan Akauntan Negara (Korporat)
  - iii. Fail timbul

**KURSUS PELAN LATIHAN OPERASI (TRM)  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA TAHUN 2020**

**PEMBANTU AKAUNTAN**

Bil	Nama Kursus	Tarikh	Tempat Kursus	Kumpulan Sasaran
1	iGFMAS : Pengurusan Gaji (Emolumen)	25-27 Feb 2020	Pahang	Pembantu Akauntan (W19-W26)
2	iGFMAS : Perakaunan Terimaan	20-21 April 2020	Kelantan	
3	iGFMAS : Perakaunan Terimaan	23-24 Jun 2020	Perlis	
4	iGFMAS : Pengurusan Gaji	25-27 Ogos 2020	Negeri Sembilan	
5	iGFMAS : Pengurusan Gaji	5-7 Oktober 2020	Kuching	